

DI DALAM MAHKAMAH PERSEKUTUAN, MALAYSIA
PERMOHONAN JENAYAH NO. 05(L)-289 & 290 & 291-12/2021

1

Dalam Perkara Mahkamah Persekutuan, Rayuan Jenayah No. 05(L)-289-12/2021(W), 05(L)-290-12/2021(W) dan 05(L)-291-12/2021(W); Dato Sri Mohd Najib bin Hj Abdul Razak v Pendakwa Raya;

Dan

Dalam Perkara Mahkamah Rayuan, Rayuan Jenayah No. W-05(SH)-231-07/2020, W-05(SH)-232-07/2020 dan W-05(SH)-233-07/2020; Dato Sri Mohd Najib bin Hj Abdul Razak v Pendakwa Raya;

Dan

Dalam Perkara Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Perbicaraan Jenayah No. WA-45-(2 & 3)-07/2018, WA-45-5-08/2018; Pendakwa Raya v Dato Sri Mohd Najib bin Hj Abdul Razak;

Dan

Dalam Perkara Seksyen 86, 87, 92 dan 93 Akta Mahkamah Kehakiman 1964;

Dan

Dalam Perkara Seksyen 317 Kanun Prosedur Jenayah;

Dan

Dalam Perkara Kaedah 98, Kaedah 106 dan Kaedah 137 Kaedah-Kaedah Mahkamah Persekutuan 1995;

Dan

Dalam Perkara Bidang Kuasa Sedia Ada Mahkamah Yang Mulia ini.

ANTARA

**DATO' SRI MOHD NAJIB BIN HJ ABDUL RAZAK
(NO. K/P: 530723-06-5165)**

... PEMOHON

DAN

PENDAKWA RAYA

... RESPONDEN

AFIDAVIT

Saya, **DATO' SRI MOHD NAJIB BIN HJ ABD RAZAK (NO. K/P: 530723-06-5165)**, seorang warganegara Malaysia yang cukup umur yang beralamat di No. 11, Jalan Langgak Duta, Taman Duta, 50480 Kuala Lumpur dengan sesungguhnya dan ikhlasnya mengikrarkan dan menyatakan seperti berikut: -

1. Saya merupakan Pemohon yang dinamakan dalam Usul ini dan Perayu dalam Mahkamah Persekutuan Rayuan Jenayah No. 05(L)-289-12/2021(W), 05(L)-290-12/2021(W) dan 05(L)-291-12/2021(W) ("**Rayuan-rayuan tersebut**") yang mana adalah kini didengar di hadapan Mahkamah Yang Mulia ini.
2. Kecuali dinyatakan sebaliknya, fakta-fakta dan perkara-perkara yang dideposkan di sini adalah benar sepanjang pengetahuan peribadi saya dan/atau daripada rekod, dokumen dan maklumat yang saya mempunyai akses yang penuh dan tidak terhad dan/atau maklumat dalam simpanan saya dan/atau berdasarkan nasihat peguamcara saya yang saya percaya adalah benar.
3. Saya merujuk kepada kertas-kertas kausa yang telah difailkan di sini:
 - a. Notis Usul bertarikh 7 Jun 2022 ("**Usul**");
 - b. Afidavit Sokongan saya yang diikrarkan pada 7 Jun 2022 ("**AS Saya**");

- c. Afidavit Jawapan Responden yang diikrarkan oleh Mohd Ashrof Adrin bin Kamarul pada 29 Jun 2022 ("**AJ Responden**");
 - d. Afidavit Sokongan Lanjutan dan Afidavit Jawapan saya yang diikrarkan pada 14 Julai 2022 ("**ASL/AJ Saya**");
 - e. Notis Usul saya bertarikh 15 Julai 2022 untuk meminda Notis Usul bertarikh 7 Jun 2022 tersebut ("**Usul Pindaan**");
 - f. Afidavit Sokongan saya untuk meminda Notis Usul tersebut yang diikrarkan pada 15 Julai 2022 ("**AS Saya bagi Usul Pindaan**");
 - g. Afidavit yang diikrarkan oleh Premkumar a/l Rama Ramo pada 18 Julai 2022 ("**Afidavit Maybank**");
 - h. Afidavit Jawapan yang diikrarkan oleh Abdul Hafiz bin Mohammad Yatim pada 19 Julai 2022 ("**AJ Edge**");
 - i. Afidavit Jawapan yang diikrarkan oleh Nurbaiti Hanim binti Hamdan pada 19 Julai 2022 ("**AJ Star**");
 - j. Afidavit Jawapan yang diikrarkan oleh Sharanjit Singh S Tara Singh pada 19 Julai 2022 ("**AJ NST**");
 - k. Afidavit Jawapan Lanjutan yang diikrarkan oleh Mohd Ashrof Adrin bin Kamarul pada 21 Julai 2022 ("**AJL Responden**");
 - l. Afidavit Jawapan Lanjutan yang diikrarkan oleh Mohd Ashrof Adrin bin Kamarul pada 29 Julai 2022 untuk membantah Usul Pindaan tersebut ("**AJL Responden bagi Usul Pindaan**").
4. Saya juga akan merujuk kepada dokumen-dokumen dalam Rekod-rekod Rayuan apabila ianya relevan dan diperlukan.

5. Saya mengikrarkan Afidavit ini untuk memberikan balasan saya kepada AJL Responden dan kepada AJL Responden bagi Usul Pindaan.

Dalam hal ini, dan kecuali bahawa saya menyatakan sebaliknya, saya menegaskan semula apa yang telah saya nyatakan dalam affidavit-afidavit saya sebelum ini tanpa menyatakan kenyataan-kenyataan tersebut semula.

6. Dalam Afidavit ini, apabila saya menyatakan satu pandangan atau kesimpulan dari segi undang-undang, saya berbuat demikian setelah mendapatkan nasihat undang-undang yang mana saya sesungguhnya mempercayainya. Saya tidak mengemukakan kenyataan yang membawa kesan sedemikian pada setiap kenyataan berkenaan dengan satu pandangan atau kesimpulan dari segi undang-undang tersebut dalam Afidavit ini untuk meringkaskan kandungan Afidavit ini.
7. Saya membuat permohonan ini untuk mendapatkan kebenaran daripada Mahkamah Yang Mulia ini untuk mengemukakan sesetengah keterangan bersifat dokumentari dan keterangan bersifat *viva voce* yang tidak menjadi sebahagian daripada rekod-rekod perbicaraan bagi kes-kes ini, dan yang hanya saya temui baru-baru ini, dan untuk mendapatkan keterangan-keterangan ini diterima sebagai keterangan tambahan dan/atau lanjutan dalam Rayuan-rayuan tersebut.
8. Saya dinasihati dan percaya bahawa keterangan-keterangan tambahan ini akan menunjukkan bahawa Yang Arif Hakim Mohd Nazlan ("**Yang Arif Nazlan**") yang telah mendengar perbicaraan tersebut yang mana saya disabitkan kesalahan dengan tujuh pertuduhan, iaitu 3 pertuduhan di bawah Kanun Keseksaan, 1 pertuduhan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan 3 pertuduhan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram Dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan, mempunyai **konflik kepentingan yang serius** berkenaan dengan perkara subjek bagi perbicaraan ini.

9. Hal ini merupakan sebab mengapa Usul Saya (dibaca Bersama dengan Usul Pindaan tersebut) memohon satu **perbicaraan semula** bagi kes saya.
10. Saya kini menjawab **AJL Responden** dengan membuat rujukan kepada nombor-nombor perenggan bagi kandungan yang selebihnya dalam Afidavit ini.

Perenggan-perenggan 1 sehingga 4

11. Saya tidak mempertikaikan kandungan perenggan-perenggan ini.

Perenggan 5

12. Saya **menafikan** perenggan ini.
13. Responden **secara salahnya mendakwa** bahawa keterangan tambahan daripada Datuk Sharhol Azral ("**Datuk Shahrol**") dan Rosli bin Husain ("**Rosli**"), dan keterangan tambahan daripada ketiga-tiga penyiasat daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ("**SPRM**"), iaitu, Mohammad Zamri bin Zainul Abidin ("**Mohammad Zamri**"), Asrul Ridzuan bin Ahmad Rustami ("**Asrul Ridzuan**") dan Noor Syazana binti Kamin ("**Noor Syazana**") adalah **tidak relevan**.
14. Responden juga telah **secara salahnya mendakwa** bahawa keperluan nilai ambang untuk penerimaan masuk keterangan-keterangan tambahan/baru daripada saksi-saksi ini **tidak dipenuhi**.
15. Saya **menegaskan semula** kandungan dalam Perenggan-perenggan 6.1, 21.2, 32 sehingga 35 dan 49 ASL/AJ Saya berkenaan dengan perkaitan ("**relevance**") keterangan-keterangan tambahan yang bersifat *viva voce* daripada saksi-saksi tersebut.

Dalam hal ini, saya juga mengulangi kandungan Perenggan 52 ASL/AJ Saya dan Perenggan-perenggan 9 sehingga 11 AS Saya bagi Usul Pindaan, mengenai **keperluan nilai ambang** untuk penerimaan masuk keterangan-keterangan ini.

16. **Rosli** merupakan pegawai penyiasat dalam kes SRC tersebut, dan keterangan lanjutan beliau adalah diperlukan bagi isu sama ada beliau telah menjalankan apa-apa siasatan mengenai penglibatan Yang Arif Nazlan sebagai Penasihat Undang-undang Umum Maybank dan Setiausaha Syarikat dalam penubuhan dan perbadanan SRC, dan juga dalam pinjaman Maybank yang berjumlah sebanyak RM4.17 bilion kepada 1MDB dan juga pinjaman Maybank yang berjumlah sebanyak RM140 juta kepada PPD.
17. Keterangan-keterangan bersifat *viva voce* daripada pegawai-pegawai SPRM iaitu **Mohammad Zamri, Asrul Ridzuan dan Noor Syazana** adalah diperlukan untuk menerangkan konflik kepentingan pada pihak Yang Arif Nazlan semasa Yang Arif mendengar perbicaraan SRC tersebut.
18. Saya dinasihati dan percaya bahawa keterangan-keterangan tambahan daripada **saksi-saksi tersebut** adalah memenuhi nilai ambang bagi penerimaan masuk kerana keterangan-keterangan mereka adalah ***secara langsung berkaitan ("relevant") dengan isu konflik kepentingan pada pihak Yang Arif Nazlan.***

Keterangan-keterangan ini adalah tidak boleh didapati pada masa perbicaraan SRC tersebut kerana fakta-fakta khusus mengenai penglibatan Maybank dan Yang Arif Nazlan dalam transaksi-transaksi tersebut dengan SRC dan 1MDB adalah tidak diketahui oleh saya pada masa itu.

19. Selain daripada kenyataan yang kabur dan am ("*vague and general statement*") berkenaan dengan perkaitan ("*relevance*") dan penerimaan masuk ("*admissibility*") dalam AJL Responden, Responden telah gagal membuktikan mengapa keterangan-keterangan tambahan ini adalah tidak relevan atau

bagaimana ianya tidak memenuhi nilai ambang bagi penerimaan masuk (“*admissibility*”) tersebut.

Perenggan 6

20. Saya secara tegasnya **menafikan** bahawa nilai ambang bagi penerimaan masuk ASL/AJ Saya sebagai keterangan tambahan telah gagal dipenuhi.
21. ASL/AJ Saya menerangkan, antara lain, kepentingan keterangan-keterangan berkenaan dengan penyiasatan SRPM ke atas individu-individu termasuk Yang Arif Nazlan dan ke atas kandungan dokumen-dokumen yang dimasukkan ke dalam satu sampul surat tanpa nama yang dihantar ke rumah saya pada atau sekitar 7 Julai 2022.
22. Saya dinasihati dan percaya bahawa ini adalah **keterangan-keterangan yang boleh dipercayai dan relevan**, yang mana ianya tidak terdedah kepada saya sebelum ini.

Saya hanya mendapati keterangan-keterangan ini pada peringkat lewat dan hanya selepas Rayuan-rayuan tersebut difailkan di hadapan Mahkamah Yang Mulia ini. Oleh itu, saya dinasihati dan percaya bahawa keterangan-keterangan tambahan ini jelasnya memenuhi nilai ambang bagi penerimaan masuk (“*admissibility*”) dalam Rayuan-rayuan tersebut.

Perenggan 7

23. Saya **menafikan** perenggan ini dan perenggan-perenggan kecilnya secara keseluruhan dan mengulangi kandungan Perenggan-perenggan 6, 6.1 dan 6.2 ASL/AJ Saya.
24. Dakwaan Responden bahawa permohonan ini adalah satu permohonan untuk menjalankan siasatan bagi perkara-perkara yang dipohon, adalah tidak berasas dan bersifat mengelirukan (“*baseless and misleading*”). Saya sesungguhnya menafikannya.

25. Saya telah mengenal pasti dengan jelas dan menerangkan sifat keterangan-keterangan tambahan tersebut secara terperinci dalam AS Saya, ASL/AJ Saya dan AS Saya bagi Usul Pindaan tersebut.

Penerimaan masuk keterangan-keterangan ini untuk membantu Mahkamah Yang Mulia ini tidak boleh disifatkan sebagai satu "siasatan" dalam apa jua cara pun.

Saya dinasihati dan percaya bahawa kenyataan Responden sebaliknya telah menyalahi makna dan tujuan (*"letter and spirit"*) **Seksyen 93 Akta Mahkamah Kehakiman**.

26. Ianya tiada asas dari segi fakta kepada dakwaan Responden bahawa keterangan-keterangan tambahan daripada ketiga-tiga pegawai SPRM tersebut adalah **dalam milikan saya**. Dakwaan tersebut adalah **tidak benar**.
27. Bagi mengemukakan dakwaan yang tidak boleh dipertahankan bahawa keterangan-keterangan tersebut tidak boleh digolongkan sebagai keterangan-keterangan tambahan/baru, Responden telah **bertentangan dengan dirinya sendiri**:
- a. Dari satu sudut, Responden telah mencadangkan dalam **Perenggan 33 AJL Respondent** bahawa SPRM tidak akan mendedahkan maklumat sulit mengenai satu siasatan yang masih sedang berterusan.
 - b. Dari sudut yang lain pula, Responden mendakwa dalam **Perenggan 7.3** bahawa maklumat ini adalah dalam milikan saya.

Sudah pasti ia adalah satu daripada kedua-duanya. **Ia tidak boleh merupakan kedua-dua sekali**.

28. Hakikatnya adalah bahawa saya **hanya** mengetahui nama-nama penyiasat-penyiasat tersebut dan individu-individu yang telah ditemu duga oleh mereka (termasuk Yang Arif Nazlan) **pada 13 Julai 2022**, dan keterangan ini bolehlah dikelaskan sebagai keterangan tambahan/baru.
29. Manakala bagi perkaitan ("*relevance*") keterangan-keterangan tambahan tiga pegawai-pegawai SPRM tersebut kepada pertuduhan terhadap saya pula, Responden ternyata telah salah membaca ("*misread*") skop permohonan ini.

Saya ingin bergantung kepada keterangan-keterangan tambahan tersebut untuk menunjukkan bahawa Yang Arif Nazlan **mempunyai konflik kepentingan dengan individu-individu, peristiwa-peristiwa dan isu-isu** yang dipertimbangkan olehnya dalam perbicaraan SRC tersebut.

Sejauh mana perbicaraan tersebut telah dihina ("*vitiated*") oleh konflik ini, saya dinasihati dan percaya bahawa ianya adalah tidak material sama ada keterangan-keterangan ini adalah relevan kepada pertuduhan-pertuduhan terhadap saya.

30. Responden kemudiannya mendakwa bahawa dakwaan penglibatan Yang Arif Nazlan dalam transaksi-transaksi pinjaman Maybank dengan PPD dan 1MDB masih belum dibuktikan dan hanya merupakan sangkaan sahaja ("*mere conjecture*").

Ini adalah tidak benar.

31. Fakta mengenai peranan Yang Arif Nazlan sebagai pegawai undang-undang yang paling kanan dalam Maybank pada masa transaksi-transaksi ini berlaku adalah ***tidak boleh dipertikaikan***.

Saya telah mengemukakan dokumen-dokumen yang diekshibitkan dalam ASL/AJ Saya sebagai Ekshibit DSN-19, Ekshibit DSN-20, Ekshibit DSN-21 dan Ekshibit DSN-22, yang kesemuanya menunjukkan ***pengetahuan langsung***

(“direct knowledge”) dan penglibatan Yang Arif Nazlan dalam perkara-perkara yang berkenaan dengan transaksi pinjaman Maybank dengan 1MDB.

10

32. Dalam hal ini, saya ambil perhatian bahawa ianya **bukan kes Responden** bahawa dokumen-dokumen ini **bukanlah keterangan-keterangan yang boleh dipercayai** berkenaan dengan penglibatan langsung Yang Arif Nazlan dalam transaksi pinjaman tersebut. Sebaliknya ianya dinyatakan dalam Perenggan 30.1 AJ Responden bahawa mereka adalah tidak relevan kepada pertuduhan-pertuduhan yang saya hadapi.

Saya menganggap ini sebagai satu tipu daya yang penting (“significant sleight of hand”).

Perenggan 8

33. Saya tidak mempertikaikan kandungan dalam perenggan ini setakat mana mereka berkenaan dengan perkara-perkara atas rekod.
34. Peguamcara dan kaunsel baru saya tidak akan membuat apa-apa hujahan ke atas sebab mengapa Yang Arif Sofian telah ditukar dengan Yang Arif Nazlan sebagai hakim perbicaraan. Ini bukan satu alasan yang akan dikekalkan.

Perenggan 9

35. Saya **menafikan** perenggan ini dan merujuk kepada kandungan dalam Perenggan 8 ASL/AJ Saya untuk menegaskan bahawa pihak Pendakwaan telah gagal mengemukakan keterangan-keterangan material tersebut yang kini telah didapati dan diekshibitkan dalam AS Saya dan ASL/AJ Saya.

Perenggan 10

36. Saya tidak mempertikaikan perenggan ini setakat mana kandungannya adalah konsisten dengan rekod-rekod prosiding Mahkamah Tinggi.

37. Saya juga mengesahkan bahawa peguamcara dan kaunsel baru saya *tidak* akan mengemukakan apa-apa hujahan mengenai apa-apa perbezaan antara terma-terma Perintah Lisan, Perintah Bertulis dan Alasan Penghakiman tersebut.

Alasan tersebut adalah ditinggalkan dalam Usul ini.

Perenggan 11

38. Saya tidak mempertikaikan perenggan ini sejauh mana ianya adalah konsisten dengan rekod-rekod prosiding Mahkamah Rayuan tersebut.

Perenggan 12

39. Saya **menafikan** perenggan ini dan mengulangi kandungan Perenggan-perenggan 11 dan 12 ASL/AJ Saya.

Responden telah gagal menunjukkan bahawa keterangan-keterangan yang diekshibitkan dalam Afidavit-afidavit saya telah diserahkan kepada saya sebelum perbicaraan SRC in Mahkamah Tinggi bermula.

Malahan, dokumen-dokumen ini langsung tidak diserahkan oleh pihak pendakwaan dalam perbicaraan SRC ini, mereka hanya berbuat demikian dalam kes yang berlainan yang juga melibatkan saya.

Saya telah dinasihati dan percaya bahawa Kanun Prosedur Jenayah mewajibkan pihak pendakwaan untuk menyerahkan dokumen-dokumen tersebut kepada orang kena tuduh ("*accused*") **sebelum** perbicaraan bermula. Ini tidak dilakukan.

Berikutan itu, Responden telah gagal mendedahkan keterangan-keterangan dokumentari tersebut yang mengaitkan Yang Arif Nazlan dengan individu-individu dan transaksi-transaksi yang terlibat dalam perbicaraan SRC tersebut.

Perenggan 13

12

40. Saya **menafikan** perenggan ini. Saya merujuk kepada kandungan Perenggan 13 ASL/AJ Saya untuk menegaskan bahawa pengetahuan dan penglibatan Yang Arif Nazlan melalui Maybank mengenai penubuhan SRC seharusnya didedahkan pada permulaan perbicaraan tersebut.

Dengan hormatnya, ianya merupakan pendirian saya bahawa kegagalan mendedahkan fakta ini telah **menghina (“vitiated”) perbicaraan tersebut dan penghakiman yang diberikan oleh Yang Arif Nazlan**, dan dengan ini **satu perbicaraan semula perlulah dijalankan**.

41. Dokumen yang diekshibitkan sebagai **Ekshibit DSN-14** yang mengandungi terma-terma perlantikan Maybank oleh 1MDB untuk memberikan khidmat nasihat strategik berkenaan dengan penubuhan SRC tersebut tidak pernah diberikan oleh Responden kepada saya. Saya hanya menemui dokumen tersebut baru-baru ini.
42. Saya dinasihati dan percaya bahawa tanpa Ekshibit DSN-14, dokumen yang diekshibitkan sebagai Ekshibit DSN-16 sahaja **tidak boleh dijadikan penentuan (“cannot be determinative”)** kepada sejauh mana penglibatan Maybank dalam penubuhan SRC.

Responden mengakui bahawa dokumen yang diekshibitkan sebagai Ekshibit DSN-16 dalam AS Saya telah diserahkan kepada saya dalam **perbicaraan 1MDB** tetapi **tidak dalam perbicaraan SRC**, dan walau bagaimanapun, penyerahan tersebut hanya dilakukan **selepas kes pendakwaan dalam perbicaraan SRC telah ditamatkan**.

43. Pengetahuan dan penglibatan Yang Arif Nazlan dalam penubuhan SRC boleh diandaikan dengan munasabah berdasarkan peranan dan kedudukannya di Maybank pada masa yang relevan tersebut.

Penemuan khusus yang telah direkodkan dalam penghakiman Yang Arif Nazlan mengenai isu penubuhan SRC telah menekankan lagi kepentingan tanggungjawabnya untuk mendedahkan kepentingannya ("*interest*") dan penglibatannya dalam kes ini.

Perenggan 14

44. Saya **menafikan** perenggan ini dan mengulangi kandungan Perenggan 14 dan perenggan-perenggan kecilnya dalam ASL/AJ Saya.

Responden **mengakui** bahawa sumber dana yang berjumlah sebanyak RM140 juta tersebut berasal daripada Maybank.

Pengakuan ini bersama dengan fakta berkenaan dengan pekerjaan Yang Arif Nazlan sebelum ini dengan Maybank selanjutnya membuktikan bahawa Responden telah gagal mendedahkan kesedarannya ("*awareness*") mengenai **konflik kepentingan Yang Arif Nazlan dalam kes ini**.

Keterangan baru yang saya ingin mengemukakan dalam konteks ini adalah keterangan bersifat *viva voce* daripada pegawai-pegawai SPRM yang terlibat dalam siasatan tersebut.

Mereka berupaya untuk mengesahkan pengetahuan langsung dan penglibatan Yang Arif Nazlan dalam transaksi-transaksi tersebut.

Perenggan 15

45. Saya **menafikan** perenggan ini. Responden telah bergantung kepada penemuan Yang Arif Nazlan dalam penghakimannya bahawa ianya tiada keperluan untuk pihak pendakwaan membuktikan bahawa jumlah sebanyak RM42 juta yang dijumpai dalam akaun-akaun saya merupakan sebahagian daripada pinjaman yang berjumlah sebanyak RM4 bilion daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) ("**KWAP**").

46. Penemuan ini, walau bagaimanapun, telah didahului oleh **penemuan yang bercanggahan** dalam penghakiman yang sama bahawa pembiayaan besar-besaran daripada KWAP yang dicagarkan oleh SRC benar-benar memenuhi kepentingan saya.

Saya dinasihati dan percaya bahawa ianya adalah relevan untuk mengambil perhatian bahawa saya telah dituduh menyalahgunakan kuasa saya di bawah Seksyen 23 Akta SPRM untuk mendapatkan suapan ("*gratification*") apabila saya melibatkan diri dalam keputusan kerajaan untuk memberikan jaminan bagi pinjaman-pinjaman yang diberikan oleh KWAP kepada SRC.

47. Sekiranya suapan yang didakwa tersebut tidak berasal daripada KWAP sama sekali dan **adalah diakui diperoleh daripada Maybank semasa Yang Arif Nazlan bekerja di sana**, Yang Arif sepatutnya mengenal pasti konflik kepentingan ini dengan segera dan menarik diri daripada mendengar perkara tersebut.

Perenggan-perenggan 16 sehingga 18

48. Saya **menafikan** perenggan-perenggan ini dan mengulangi kandungan Perenggan 16 ASL/AJ Saya.
49. Ini merupakan sebabnya mengapa saya berhak untuk mengemukakan keterangan bersifat *viva voce* daripada pegawai-pegawai SPRM iaitu Mohammad Zamri, Asrul Ridzuan dan Noor Syazana dalam permohonan ini.
50. Berkenaan dengan perbezaan yang dibuat oleh Responden antara "pembalikan" ("*reversal*") dan "pembayaran balik" ("*repayment*") pinjaman Maybank untuk menekankan bahawa Yang Arif Nazlan tidak mungkin telah dipengaruhi, pendirian saya ialah pengetahuan dan penglibatannya dalam transaksi pinjaman asal tersebut telah **melucutkan kelayakannya untuk menghakimi isu tersebut**.

51. Transaksi pinjaman untuk satu jumlah besar sebanyak RM140 juta boleh dijangka secara munasabah akan melibatkan kawalan kewangan yang ketat, pendedahan, penetapan cagaran dan pelaksanaan usaha wajar (*“strict financial controls, disclosures, stipulation of collaterals and due diligence exercises”*), yang kesemuanya akan berada dalam bidang kuasa pegawai undang-undang sesebuah institusi kewangan.
52. Dengan hormatnya, ianya merupakan pendirian saya bahawa penglibatan Yang Arif Nazlan dalam transaksi ini boleh ditakrifkan sama ada melalui **pengetahuan sebenar atau pengetahuan konstruktif** (*“actual or constructive knowledge”*) Yang Arif mengenai transaksi tersebut, atau melalui kesilapan (*“lapses”*) yang terlibat.

Dalam mana-mana kes pun, ianya merupakan tanggungjawab Yang Arif untuk mendedahkan hubungan dekatnya (*“proximity”*) dengan dana-dana tersebut, yang mana sebahagian daripadanya telah akhirnya diterima dalam akaun bank saya.

Perenggan 19

53. Saya **menafikan** perenggan ini dan mengulangi kandungan Perenggan 17 ASL/AJ Saya.
54. Dengan hormatnya, pendirian saya adalah bahawa ianya tidak penting sama ada fakta bahawa Maybank adalah jurubank kepada 1MDB dan fakta bahawa Yang Arif Nazlan adalah Penasihat Undang-undang Umum dan Setiausaha Syarikat adalah berada dalam domain awam atau tidak.

Hakikatnya ialah hanya apabila saya menemui dokumen yang membuktikan peranan Maybank dalam menyusun strategi untuk penubuhan SRC bagi pihak 1MDB dan rekod penglibatan langsung Yang Arif Nazlan dalam pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada 1MDB, barulah **saya boleh membangkitkan bantahan**.

55. Ianya merupakan satu perkara atas rekod bahawa saya ***tidak diberikan*** salinan IDD965, IDD966, IDD967 dan Exhibit DSN-16 oleh Responden sebelum bermulanya, atau dalam prosiding berkenaan dengan, perbicaraan SRC.

Dalam apa jua kes pun, saya hanya menemui dokumen-dokumen yang diekshibitkan sebagai Ekshibit-ekshibit DSN-14, DSN-19, DSN-20, DSN-21 dan DSN-22 sebagai sebahagian daripada satu bungkusan yang dihantar tanpa nama ke kediaman saya.

56. Responden cuba mengaburi sifat dokumen-dokumen yang saya bergantung kepada dan yang diekshibitkan dalam Afidavit-afidavit saya dengan menyatakan bahawa semua ini adalah tidak relevan dengan pertuduhan-pertuduhan terhadap saya. **Saya langsung tidak bersetuju terhadapnya.**

Saya menekankan bahawa dokumen-dokumen yang baru ditemui ini membuktikan bahawa Yang Arif Nazlan mempunyai ***konflik kepentingan yang serius*** berkenaan dengan isu-isu dan transaksi-transaksi yang terlibat dalam kes saya.

Perenggan 20

57. Saya **menafikan** perenggan ini dan mengulangi kandungan Perenggan-perenggan 18 dan 19 ASL/AJ Saya untuk menyatakan bahawa dokumen-dokumen tersebut adalah diekshibitkan sebagai Ekshibit-ekshibit DSN-11, DSN-12, DSN-13 dan DSN-14 hanya ditemui baru-baru ini melalui satu bungkusan tanpa nama yang dihantar kepada saya pada atau sekitar 9 Mei 2022.
58. Dokumen-dokumen yang dikemukakan dalam perbicaraan 1MDB pada 14 Mac 2022 adalah serupa tetapi tidak lengkap jika dibandingkan dengan apa yang telah ditemui kemudiannya.

Dakwa Responden bahawa saya boleh mendapatkan versi lengkap dokumen-dokumen tersebut daripada pihak pendakwa adalah **meleset** kerana

perbicaraan yang didengar oleh Yang Arif Nazlan dan prosiding-prosiding rayuan di hadapan Mahkamah Rayuan **telah pun selesai** apabila **versi yang tidak lengkap** itu dikemukakan. 17

59. Saya juga telah meminta **versi lengkap** dokumen-dokumen tersebut untuk mengenal pasti sejauh mana konflik kepentingan Yang Arif Nazlan dalam kes ini.

Saya telah dinafikan peluang ini.

Perenggan-perenggan 21 sehingga 22

60. Saya **menafikan** perenggan-perenggan ini dan mengulangi kandungan Perenggan 20 ASL/AJ Saya. Saya dengan tegas menafikan bahawa ianya tiada bukti mengenai penyertaan atau pengetahuan Yang Arif Nazlan dalam kemudahan pinjaman yang berjumlah sebanyak RM4.17 bilion yang diberikan oleh Maybank kepada 1MDB.

Saya secara tegasnya menyatakan sebaliknya.

61. Saya telah mengemukakan Ekshibit-ekshibit DSN-19, DSN-20, DSN-21 dan DSN-22 dalam ASL/AJ Saya untuk menunjukkan bahawa Yang Arif Nazlan adalah **jelas menyedari (“intimately aware”)** pengeluaran kemudahan pinjaman tersebut dan peristiwa-peristiwa yang menyusuli selepas itu.

Ini akan menjadikan Yang Arif Nazlan sebagai **bakal saksi (“potential witness”)** dalam **perbicaraan 1MDB** tersebut yang mana adalah melibatkan **saya sebagai pihak tertuduh.**

62. Saya dinasihati dan percaya bahawa sama ada 1MDB dan SRC adalah dua entiti undang-undang yang berasingan adalah tidak relevan. Kedua-dua syarikat tersebut adalah syarikat milik MOF Inc. Tuduhan sama terhadap saya dalam kedua-dua perbicaraan jenayah tersebut adalah bahawa saya telah mengenakan kawalan langsung ke atas pihak pengurusan 1MDB dan SRC

masing-masing. Ekshibit MAA-10 hanya mengesahkan status berasingan dan bebas SRC, yang mana adalah tidak mempunyai kaitan dengan pengetahuan dan penglibatan Yang Arif Nazlan dalam transaksi-transaksi berkenaan dengan 1MDB.

Perenggan-perenggan 23 sehingga 27

63. Saya **menafikan** perenggan-perenggan ini dan mengulangi kandungan Perenggan 21 dan perenggan-perenggan kecilnya dalam ASL/AJ Saya dalam konteks penglibatan Maybank dan Yang Arif Nazlan dalam penubuhan SRC.
64. Ianya sememangnya penting bahawa **Responden tidak menafikan** fakta yang dinyatakan dalam ASL/AJ Saya bahawa ***idea untuk menubuhkan SRC berasal daripada 1MDB*** dan bukannya daripada saya.

Malahan, Responden ***juga tidak menafikan*** bahawa minit mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB yang diekshibitkan sebagai **Ekshibit DSN-16** mendedahkan bahawa idea ini sebenarnya telah dicadangkan oleh Maybank apabila Yang Arif Nazlan menjadi Penasihat Undang-undang Umum dan Setiausaha Syarikat Maybank.

Selanjutnya, **Ekshibit DSN-14** menunjukkan bahawa ***Maybank telah secara rasminya dilantik oleh 1MDB***, untuk menyediakan khidmat nasihat strategik ***berkenaan dengan penubuhan SRC***.

65. **Datuk Shahrol** menandatangani dan menyempurnakan perjanjian pelantikan dengan Maybank. Oleh itu, keterangannya adalah penting untuk mengenal pasti pengetahuan dan penglibatan Yang Arif Nazlan dalam kerja yang dijalankan oleh Maybank.

Ianya tiada asas untuk Responden menafikan peranan Maybank dan Yang Arif Nazlan dalam penubuhan SRC.

66. Perlu diperhatikan bahawa Responden telah mengulangi kenyataan dalam AJ Responden bahawa Ekshibit DSN-14 adalah **surat sekali sahaja** tanpa tindakan susulan oleh Maybank, tetapi telah **gagal untuk menyokong** kenyataan ini dengan sebarang **bukti material**.
67. Walau apa pun, saya dinasihati dan percaya bahawa sama ada 1MDB berhasrat untuk menubuhkan SRC lebih awal daripada tarikh mesyuarat lembaga pengarahnya atau surat yang diekshibitkan sebagai Ekshibit MAA-6 adalah **tidak relevan sepenuhnya** dalam konteks permohonan ini setakat mana bahawa ini adalah fakta yang tidak dapat dipertikaikan yang telah dibuktikan melalui minit mesyuarat lembaga pengarah 1MDB dalam Ekshibit DSN-16 bahawa Maybank telah mencadangkan penubuhan SRC kepada 1MDB.

Perenggan 28

68. Saya **menafikan** perenggan ini dan mengulangi kandungan Perenggan 22 ASL/AJ Saya. Ini akan menunjukkan bahawa masa artikel berita bertarikh 14 Mac 2022 yang diekshibitkan sebagai **Ekshibit DSN-15** adalah bertepatan dengan masa saya menyedari konflik kepentingan Yang Arif Nazlan tersebut.
69. Walaupun sebutan artikel tersebut adalah tidak boleh diterima, ianya adalah relevan bahawa **Responden tidak menyatakan** bahagian mana artikel itu adalah kononnya palsu atau memperlekehkan berkenaan dengan Yang Arif Nazlan.

Perenggan 29

70. Saya menafikan perenggan ini dan mengulangi kandungan Perenggan 23 ASL/AJ Saya.

Perenggan-perenggan 30 sehingga 32

71. Saya menafikan secara mutlak Perenggan 30 (termasuk perenggan-perenggan kecilnya 30.1 sehingga 30.7) dan Perenggan-perenggan 31 dan 32, dan mengulangi kandungan Perenggan-perenggan 24 sehingga 31 ASL/AJ Saya.
72. Pertuduhan yang dirangka dalam kes 1MDB dibaca bersama dengan yang dalam kes SRC menunjukkan bahawa dakwaan utama adalah penciptaan entiti yang kononnya berada di bawah kawalan menyeluruh saya. Kedua-dua 1MDB dan SRC telah disiasat oleh SPRM. 1MDB ialah syarikat induk yang menubuhkan SRC.
73. Dokumen yang saya temui pada 7 Julai 2022 termasuk Ekshibit DSN-19, Ekshibit DSN-20, Ekshibit DSN-21 dan Ekshibit DSN-22, menunjukkan bahawa Yang Arif Nazlan telah mengambil bahagian dalam perbincangan dan membuat keputusan kemudahan pinjaman sebanyak RM4.17 bilion kepada 1MDB untuk pengambilalihan Tanjong Energy.
74. Oleh itu, ianya adalah terbukti bahawa Yang Arif Nazlan **terlibat secara rapat dalam kemudahan pinjaman yang diberikan kepada 1MDB.**

Ini bermakna skop penyeliaan dan pengetahuannya tentang 1MDB berpotensi meluas kepada entiti bersekutu 1MDB **termasuk SRC**, yang telah pun meminjam wang daripada Maybank beberapa bulan sebelumnya melalui Kumpulan PPD.

Kebolehpercayaan entity-entiti ini, struktur pegangan mereka dan kawalan saya ke atas mereka adalah semua perkara dalam penelitian Yang Arif Nazlan, yang mana Yang Arif secara munasabah dijangka telah membentuk pendapat dari sudut pandangan **pemberi pinjaman.**

Di bawah jangkaan, ianya terdapat beberapa aspek di luar fakta terang yang dibentangkan dalam perbicaraan SRC tersebut yang sebelum ini boleh diakses oleh Yang Arif Nazlan, dan yang **boleh mempengaruhi penghakimannya terhadap isu-isu yang dihakimi.**

75. Lebih ketara, perbicaraan yang akan berlaku dalam kes 1MDB di mana penglibatan Yang Arif Nazlan secara langsung dan tidak dipertikaikan juga boleh mempengaruhi penghakimannya dalam kes SRC ini.

Ianya adalah pendirian saya dengan penuh hormat bahawa berlandaskan latar belakang ini, objektiviti dan kebebasan Yang Arif Nazlan dalam perbicaraan SRC akan terjejas teruk.

76. Oleh itu, penglibatan Yang Arif Nazlan dalam transaksi-transaksi yang diliputi dalam kes 1MDB dan persamaan antara kes itu dan kes SRC adalah **faktor relevan** yang menunjukkan **konflik kepentingan** dan sepatutnya menyebabkan **penarikan dirinya sejak dari permulaan.**

Kegagalan untuk menarik diri walaupun Yang Arif telah hilang kelayakan untuk menghakimi kes ini mewajarkan perbicaraan semula kes SRC.

77. Saya tidak tahu fakta yang berkaitan dengan persatuan Yang Arif Nazlan dengan Kumpulan Maybank dan penglibatannya dalam pinjaman-pinjaman yang diberikan oleh Maybank kepada 1MDB dan Kumpulan PPD serta dalam penubuhan SRC adalah berada dalam pengetahuan khusus beliau.

Oleh itu, saya dinasihati dan percaya, pengetahuan khususnya meletakkan kewajipan ke atasnya untuk mendedahkan secara khusus kepada pihak-pihak mengenai konflik kepentingannya dalam perbicaraan SRC pada peringkat permulaan.

78. Saya juga dinasihati dan percaya bahawa saya tidak perlu menyiasat perkara ini.

Adalah sesuatu yang asing sepenuhnya, dan sebenarnya idea yang sangat memeranjatkan bahawa sesuatu pihak dikehendaki menjalankan "*usaha wajar*" ("*due diligence*") ke atas Hakim Mahkamah Tinggi sebelum perbicaraan.

79. Ianya merupakan Yang Arif Nazlan yang **diwajibkan dari segi undang-undang untuk mendedahkan pengetahuan khusus ini tentang penglibatannya** sebagai pegawai Kumpulan Maybank dalam pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada 1MDB dan Kumpulan PPD serta berkenaan dengan penubuhan SRC.

Kegagalannya untuk membuat pendedahan sedemikian semasa perbicaraan telah **menjadikan keseluruhan perbicaraan SRC termasuk prosiding rayuan di hadapan Mahkamah Rayuan tidak sah.**

80. Saya telah dinasihati dan percaya bahawa kenyataan Yang Arif Nazlan yang direkodkan oleh SPRM semasa penyiasatan mereka **tidak dilindungi** dalam skim Akta Rahsia Rasmi, 1972 kerana statut ini tidak memberikan apa-apa perlindungan berkenaan dengan kenyataan yang direkodkan oleh pihak berkuasa berkanun.

Responden tidak boleh membangkitkan dakwaan perlindungan berkenaan fakta kenyataan Yang Arif Nazlan direkodkan oleh SPRM.

Oleh itu, Mahkamah Yang Mulia **sudah tentu boleh meminta dokumen dokumen ini untuk memuaskannya tentang kebolehpercayaan keterangan saya.**

Perenggan 33

81. Saya **menafikan** perenggan ini setakat yang dinyatakan di bawah.
82. Konflik kepentingan Yang Arif Nazlan berkenaan dengan perbicaraan SRC adalah berdasarkan bukan sahaja berkaitan dengan peranan Maybank dalam penubuhan SRC dan Maybank menjadi sumber dana yang berjumlah sebanyak

RM140 juta yang dipindahkan kepada SRC, tetapi juga penglibatannya secara langsung dalam transaksi-transaksi yang membentuk perkara subjek kes 1MDB.

83. Responden mempunyai **kewajipan untuk mendedahkan fakta yang memihak kepada saya** berhubung dengan perbicaraan ini dan **tidak boleh dibenarkan untuk menimbulkan lebih prejudis kepada saya dengan menuntut kerahsiaan siasatan yang sedang dijalankan oleh SPRM.**
84. Jika fakta yang ditemui semasa penyiasatan menunjukkan konflik kepentingan Yang Arif Nazlan, saya tidak sepatutnya dibentangkan dengan ***fait accompli* atau dilucutkan peluang** untuk bergantung kepada fakta tersebut untuk memanfaatkan **hak saya kepada satu perbicaraan yang adil yang mana adalah dijamin di bawah Perlembagaan.**
85. Untuk rekod, **saya secara mutlak menarik balik** apa-apa tafsiran kepada apa yang saya nyatakan yang mungkin telah dianggap membawa maksud bahawa Yang Arif Nazlan telah disiasat atas kemungkinan rasuah.

Perenggan-perenggan 34 sehingga 35

86. Saya **menafikan** perenggan ini dan mengulangi kandungan Perenggan 33 ASL/AJ Saya.
87. Saya selanjutnya menyatakan bahawa Responden telah mendakwa secara palsu bahawa Ekshibit DSN-14 adalah sama ada dalam milikan saya atau telah diserahkan kepada saya dalam kes 1MDB.

Responden sepatutnya **memberikan bukti** tentang perkara ini tetapi secara nyata **gagal berbuat demikian.**

Dengan hormatnya saya menyatakan bahawa **pengabaian ini adalah penting.**

88. Versi lengkap **Ekshibit-ekshibit DSN-11, DSN-12 dan DSN-13**, tidak tersedia kepada saya sehingga mereka dihantar tanpa nama pada **Mei 2022.**

Ekshibit DSN-16 hanya disampaikan kepada saya dalam perbicaraan 1MDB, tetapi itu pun selepas perbicaraan SRC bermula dan juga selepas kes pendakwaan dalam perbicaraan SRC ditamatkan.

Perenggan-perenggan 36 sehingga 37

89. Saya **menafikan** perenggan ini dan mengulangi kandungan Perenggan-perenggan-perenggan 34 dan 35 ASL/AJ Saya.
90. Dakwaan Responden bahawa SRC ditubuhkan tanpa penglibatan Maybank adalah **tanpa merit**, dan saya **menafikannya**.

Walaupun Dr Kamariah Noruddin dari *Economic Planning Unit* ("EPU") dan Zahid Taib mungkin telah dipanggil atau ditawarkan sebagai saksi untuk pembelaan, keterangan mereka berkaitan dengan pertemuan mereka dengan wakil Maybank tidak mungkin diperoleh **sebelum** saya mengetahui cadangan dan peranan Maybank dalam penubuhan SRC.

Perenggan 38

91. Saya **menafikan** perenggan ini dan mengulangi Perenggan 36 ASL/AJ Saya.

Pendirian Responden bahawa pendakwaan kes 1MDB dan SRC dijalankan oleh pasukan yang berbeza **tidak menjadi alasan kegagalan untuk menyerahkan semua bahan yang berkaitan** kepada pasukan pembelaan saya masing-masing dalam setiap kes **secara jelas dan berasingan**.

92. Fakta bahawa ianya terdapat kaunsel utama yang sama dalam kedua-dua kes tidak boleh menghalang Responden daripada menyerahkan secara rasmi semua bahan yang berkaitan dalam setiap kes secara berasingan.

Adalah **fakta yang diakui** bahawa Ekshibit DSN-16 tidak diserahkan oleh Responden kepada saya dalam perbincangan SRC, walaupun dokumen ini sangat kritikal dalam menghubungkan Maybank dengan penubuhan SRC.

25

93. Oleh itu, ianya tidak mungkin boleh ada sebarang anggapan munasabah bahawa saya telah menemui kaitan Ekshibit DSN-16 dalam perbincangan SRC semata-mata kerana dokumen yang sama telah diserahkan dalam perbincangan 1MDB.

Saya dinasihati dan percaya bahawa tindakan yang berbeza mesti dianggap sebagai dijalankan dalam 'silos' yang berasingan dan pendedahan dalam satu tindakan **tidak boleh** dianggap sebagai penemuan ("*discovery*") dalam mana-mana tindakan lain.

Perenggan 39

94. Saya **menafikan** perenggan ini dan mengulangi kandungan Perenggan 37 ASL/AJ saya dalam hal ini.
95. Responden telah **gagal untuk menunjukkan** bagaimana dokumen-dokumen yang telah diekshibitkan sebagai Ekshibit DSN-16 dan DSN-14 **tidak diambil tindakan oleh** Maybank, walaupun dokumen ini jelas membuktikan sebaliknya.

Sama ada saya adalah pemain utama dalam penubuhan SRC adalah tidak relevan untuk menentukan sama ada Maybank, dan melalui persatuan, Yang Arif Nazlan telah memainkan peranan dalam peristiwa itu.

96. Berkenaan dengan kenyataan Responden berhubung dengan pengaturan pinjaman yang berjumlah sebanyak RM4 bilion daripada KWAP, transaksi itu adalah **tidak relevan** dalam konteks perbincangan saya kerana ia adalah keterangan pegawai penyiasat sendiri bahawa wang yang dipindahkan ke dalam akaun bank saya **tidak berasal daripada pinjaman KWAP**.

Yang ketara, malah Yang Arif Nazlan telah merekodkan aspek ini dalam penghakimannya.

Perenggan-perenggan 40 sehingga 42

97. Saya **menafikan** perenggan ini dan mengulangi kandungan Perenggan-perenggan 38 dan 39 ASL/AJ Saya.
98. Saya secara mutlak **menafikan** bahawa saya telah cuba untuk menghujahkan pembelaan baru.

Saya hanya meletakkan Responden atas beban pembuktian berkenaan dengan dakwaannya bahawa Ekshibit DSN-14 hanyalah surat sekali sahaja yang tidak diambil tindakan oleh Maybank. Responden telah gagal untuk mengemukakan apa-apa bukti atau pun fakta sampingan untuk menyokong kenyataannya.

99. Responden juga **secara mengelirukan memfokuskan** sama ada Ekshibit DSN-14 “telah menubuhkan SRC” sedangkan itu bukan pertikaian saya mahupun senario yang munasabah.

Keterangan-keterangan tambahan yang saya ingin kemukakan menunjukkan bahawa Maybank telah mencadangkan penubuhan SRC kepada 1MDB, dan ia telah dilantik secara rasmi untuk menyediakan khidmat nasihat strategik bagi tujuan ini.

100. Saya dengan penuh hormat berpandangan bahawa fakta ini sudah memadai untuk menghubungkan Maybank dan Yang Arif Nazlan dengan penubuhan SRC, yang merupakan peristiwa penting dalam matriks fakta kes saya.

Responden nampaknya mencadangkan bahawa peranan Maybank dan Yang Arif Nazlan adalah relevan hanya jika Maybank secara unilateral, berdasarkan surat perlantikan, memperbadankan SRC, yang mana bukanlah kes mana-mana pihak.

101. Ekshibit MAA-6 ialah surat bertarikh 24 Ogos 2010 yang ditujukan oleh Datuk Shahrol kepada saya yang mengandungi cadangan untuk memperbadankan syarikat sumber strategik.

Kebergantungan Responden terhadap dokumen ini adalah **meleset sama sekali** kerana ini sama sekali tidak menafikan kejadian dan transaksi seterusnya yang melibatkan Maybank.

Malahan, dalam Ekshibit DSN-16, yang bertarikh 6 September 2010, ianya dinyatakan bahawa Maybank "**telah mencadangkan supaya Syarikat menubuhkan sebuah syarikat sumber strategik.**"

102. Tarikh cadangan yang dibuat oleh Maybank ini tidak dinyatakan dalam minit mesyuarat.

Penjelasan logiknya dalam hal ini ialah bahawa Ekshibit MAA-6 didahului oleh cadangan Maybank, dan selepas itu 1MDB telah membentangkan idea itu kepada saya.

Pendirian ini **tidak disangkal** oleh Responden.

Perenggan 43

103. Saya **menafikan** perenggan ini dan mengulangi kandungan Perenggan 39 ASL/AJ Saya.

Perenggan 44

104. Saya **menafikan** perenggan ini dan mengulangi kandungan Perenggan 40 ASL/AJ Saya.

Perenggan 45

105. Saya **menafikan** perenggan AJL Responden ini dan mengulangi kandungan Perenggan 41 ASL/AJ Saya. Responden secara konsisten gagal menunjukkan bahawa Ekshibit DSN-14 telah tidak diambil tindakan oleh Maybank dan secara tidak adil mengelak isu kritikal ini.

Berkenaan dakwaan rasuah, saya sekali lagi menyatakan bahawa saya menarik baliknya.

Perenggan 46

106. Saya **menafikan** perenggan ini dan mengulangi kandungan Perenggan 42 ASL/AJ Saya.

Masa artikel berita bertarikh **26 April 2022** diekshibitkan sebagai **Ekshibit DSN-18** bertepatan dengan saya menyedari konflik kepentingan Yang Arif Nazlan.

107. Penyerahan Ekshibit DSN-16 kepada saya dilakukan dalam satu kes yang lain daripada perbicaraan SRC, dan hanya **selepas** kes pendakwaan dalam perbicaraan SRC telah selesai, **tidak boleh dianggap sebagai pendedahan penuh dan benar** di pihak pendakwaan.

Saya seterusnya menyatakan bahawa artikel yang diekshibitkan sebagai Ekshibit DSN-18 adalah merujuk kepada fakta kewujudan dokumen tersebut, **bukannya kebenaran kandungannya.**

Perenggan 47

108. Saya **menafikan** perenggan ini dan mengulangi kandungan Perenggan 43 ASL/AJ Saya.

Perenggan 48

109. Saya **menafikan** perenggan ini dan mengulangi kandungan Perenggan 44 ASL/AJ Saya.
110. Dengan hormatnya, Responden sekali lagi mengambil **pendirian yang mengelirukan (“misleading position”)** mengenai penubuhan SRC.

Bukan kes saya bahawa Maybank telah menubuhkan SRC.

Kes saya adalah bahawa Maybank telah **mencadangkan, menyusun strategi dan memberi nasihat dalam transaksi tersebut.**

Perenggan 49

111. Saya **menafikan** perenggan ini dan mengulangi kandungan Perenggan 45 ASL/AJ Saya.

Saya tidak mengetahui skop kerja Maybank dan Bina Fikir berhubung penubuhan SRC sehingga saya menemui **Ekshibit DSN-14**. Ini adalah dokumen yang Responden tidak pernah menyerahkan kepada saya pada mana-mana peringkat. Ini adalah **“gravamen”** aduan saya.

Perenggan 59

112. Saya **menafikan** perenggan ini dan mengulangi kandungan Perenggan 46 ASL/AJ Saya.

Atas nasihat yang saya terima dan percaya, saya **menafikan** bahawa **sumber RM42 juta itu bukan unsur pertuduhan** tersebut yang di bawah Seksyen 23 Akta SPRM.

113. Dalam penghakimannya, Yang Arif Nazlan telah mengaitkan penerimaan RM42 juta terus kepada pinjaman KWAP yang diterima oleh SRC untuk membuktikan pelakuan kesalahan di bawah Seksyen 23 Akta SPRM.

Hakikat bahawa **pinjaman Maybank adalah sumber RM42 juta *pastinya* jelas** menentang asas pertuduhan di bawah Akta SPRM, walaupun Yang Arif Nazlan masih **menganggapnya tidak relevan** dalam penghakiman.

Perenggan 51

114. Saya **menafikan** perenggan ini dan mengulangi kandungan Perenggan 47 ASL/AJ Saya.

Perenggan-perenggan 52 sehingga 53

115. Saya **menafikan** perenggan ini dan mengulangi kandungan Perenggan 48 ASL/AJ Saya.

Saya tidak menghubungi Datuk Shahrol untuk memberikan keterangan mengenai penglibatan Maybank (dan seterusnya Hakim Bicara tersebut) dalam penubuhan SRC dan pinjaman yang diberikan oleh Maybank semasa perbicaraan kerana saya tidak menyedari bahawa Yang Arif Nazlan terlibat dalam transaksi ini.

Perenggan 54

116. Saya **menafikan** perenggan ini dan mengulangi kandungan Perenggan 49 ASL/AJ Saya.

Perenggan 55

117. Saya **menafikan** perenggan ini dan mengulangi kandungan Perenggan 50 ASL/AJ Saya.

Perenggan 56

118. Saya **menafikan** perenggan ini dan mengulangi kandungan Perenggan 51 ASL/AJ Saya.

Perenggan-perenggan 57 sehingga 59

119. Saya **menafikan** perenggan ini dan mengulangi kandungan Perenggan-perenggan 52 dan 53 ASL/AJ Saya.

120. Dokumen-dokumen yang terkandung dalam sampul tanpa nama yang saya terima pada atau sekitar **9 Mei 2022** dan **7 Julai 2022** adalah sama ada **tidak tersedia kepada saya** atau **tidak diserahkan oleh Responden semasa perbicaraan.**

121. Ia juga merupakan **fakta yang diakui** bahawa **Ekshibit DSN-14** yang membuktikan perlantikan rasmi Maybank sebagai penasihat strategik kepada 1MDB **tidak diserahkan kepada saya semasa perbicaraan.**

122. **Ekshibit-ekshibit DSN-11, DSN-12, DSN-13 dan DSN-16 tidak diserahkan kepada saya dalam perbicaraan SRC.**

Tanpa terdapat sebarang konteks khusus pada masa perbicaraan SRC untuk bergantung pada dokumen ini yang diserahkan dalam perbicaraan 1MDB, dokumen ini tidak boleh dikatakan telah disediakan kepada saya semasa perbicaraan.

123. **Ekshibit-ekshibit DSN-19, DSN-20, DSN-21 dan DSN-22 tidak diserahkan kepada saya sama sekali.**

124. Keterangan **Datuk Shahrol** mengenai penglibatan Maybank dalam penubuhan SRC, dan pinjaman yang diberikan oleh Maybank, tidak boleh dipanggil semasa perbicaraan kerana saya tidak mengetahui penglibatan Maybank dan Yang Arif Nazlan dalam transaksi ini.

125. Walaupun Rosli telah memberi keterangan dalam perbicaraan, keterangannya yang berkaitan dengan pengetahuannya tentang perhubungan Yang Arif Nazlan dengan isu-isu yang dibicarakan dalam kes SRC tidak boleh dipanggil pada peringkat itu.

Saya tidak mengetahui pengetahuan dan penglibatan Yang Arif Nazlan dalam memberi cadangan, mengemukakan strategik dan memberi nasihat ke atas transaksi yang membawa kepada penubuhan SRC.

Saksi-saksi penting hanya memberi keterangan di hadapan SPRM **selepas perbicaraan tersebut selesai**.

126. Zamri, Asrul dan Noor telah merekodkan semua kenyataan pekerja Maybank dan orang lain yang berkaitan ***hanya selepas perbicaraan selesai***.

Maklumat mengenai siasatan mereka hanya diperoleh melalui pemberi maklumat pada atau sekitar **13 Julai 2022**.

127. Keterangan-keterangan bersifat dokumentari yang saya ingin kemukakan, **tidak dinafikan** oleh Responden dari segi keaslian atau asal usulnya.

Dengan kata lain, Responden sama sekali tidak mempersoalkan kredibiliti keterangan-keterangan ini.

128. Berkenaan dengan keterangan-keterangan bersifat *viva voce* daripada pelbagai orang yang dinamakan dalam Usul tersebut, ianya adalah kes saya bahawa individu-individu ini boleh membuktikan fakta dalam pengetahuan mereka yang secara langsung berkaitan dengan status dan kelakuan Yang Arif Nazlan.

Selain daripada mendakwa bahawa keterangan individu-individu ini mungkin dilindungi ("*privileged*") atau tidak boleh diterima kerana merupakan dengar cakap ("*inadmissible for being hear say*"), Responden tidak mempersoalkan **kebenaran keterangan-keterangan ini** atau keupayaan Mahkamah untuk

menilai keberatan (“*weight*”) yang perlu dikenakan pada keterangan-keterangan tersebut. **33**

Perenggan 60

129. Saya **menafikan** perenggan ini dan dan mengulangi kandungan Perenggan 54 ASL/AJ Saya.

Perenggan 61

130. Saya **mempertikaikan** perenggan ini.

Perenggan 62

131. Perenggan ini tidak memerlukan sebarang jawapan.

Perenggan 63

132. Saya **mempertikaikan** perenggan ini.

